

TR: 3.9.66

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI PEMBUKAAN PERUNDINGAN
MALAYSIA/INDONESIA
DI BANGUNAN PARLIMEN,
KUALA LUMPUR
PADA 6 SEPTEMBER, 1966.

Y.M. Kolonel Soedarsono Prodjoniseno¹,

Tuan-tuan sekalian,

Bagi pihak Kerajaan Malaysia, saya dengan sukacitanya mengalu-alukan ketibaan tuan-tuan sekalian ke Malaysia. Kami sekalian disini menyambut kedatangan tuan-tuan ini dengan amat sukacita dan besar hati. Saya berharap pada masa tuan-tuan berada di Malaysia ini tuan-tuan dapat berjumpa dan beramah tamah dengan ketua-ketua dan pegawai-pegawai di sini supaya dengan itu dapatlah kita memberi erti kata yang sebenar-benarnya kepada Perjanjian Perdamaian yang baharu di tandatangi di Jakarta pada 11 Ogos, 1966 yang lalu dan pemulihan semula persahabatan di antara Indonesia dan Malaysia.

Tuan-tuan sekalian, Al-Hamdulillah Syukur Ke hadrat Tuhan RabbuPalamin, kerana perselisihan di antara dua negara saudara dan tetangga Indonesia dan Malaysia telah dapat ditamatkan dan persahabatan dan kerjasama di antara kedua-dua pihak dapat dipulihkan semula. Dengan ketibaan tuan-tuan sekalian ke Malaysia ini adalah bermakna kita telah maju selangkah lagi ke hadapan dalam usaha mengeratkan lagi perhubungan dan persahabatan di antara dua buah negara ini. Saya harap dapat diadakan lawatan rombongan-rombongan dari Indonesia ke mari dan dari sini ke Indonesia kerap kali pada masa-masa akan datang supaya dengan itu dapatlah kita sebenar-benarnya memperkuat dan mempereratkan lagi tali persahabatan di antara kedua-dua negara sahabat ini.

Dalam perundingan di antara Y.M. Tuan Adam Malek² dengan saya sendiri di Bangkok dan dalam perundingan-perundingan selepas

ditandatangani Perjanjian Perdamaian di Jakarta pada 11 Ogos, 1966 di antara saya dengan Y.M. General Soeharto³ dan Y.M. Tuan Adam Malek, kita telah bersetuju eloklah diadakan perundingan-perundingan di antara wakil-wakil dari pihak Indonesia dan Malaysia dari satu masa ke satu masa untuk merigatasi masalah-masalah yang tidak dapat tiada tentu timbul selepas berhentinya pertikaian di antara dua negara dan perdamaian dipulihkan semula. Saya berharap Persidangan yang akan diadakan diantara tuan-tuan dengan pihak wakil-wakil dari Malaysia akan membincangkan perkara-perkara ini dan akan mendatangkan hasil yang memuaskan kepada kedua-dua belah pihak. Pendek kata, persetujuan yang telah dicapai di Bangkok dan Perjanjian Perdamaian yang telah ditandatangani di Jakarta pada 11 Ogos, 1966 yang lalu itu bolehlah diibaratkan sebagai sebatang pokok, dan Persidangan yang akan dimulakan pada hari ini di antara wakil-wakil dari kedua-dua pihak dan usaha-usaha yang akan dijalankan pada masa akan datang ialah untuk mengadakan dahan, ranting dan daun-daun kepada sebatang pokok itu supaya pokok itu menjadi sebatang pohon yang rendang yang akan memberi buah-buah dan faedah-faedah kepada rakyat kedua-dua buah negara.

Saya yakin dan percaya perundingan yang tuan-tuan adakan ini akan mendapat kejayaan yang penuh kerana telah nyata bahawa ada hasrat-hasrat dan perasaan kejujuran di antara kedua-dua pihak dan rakyat di kedua-dua negara untuk hendak mengadakan perhubungan dan persahabatan yang rapat untuk faedah bersama. Dalam tahun 1959 telah diadakan satu Perjanjian Persahabatan antara Indonesia dengan Malaysia. Bagi Malaysia, itulah Perjanjian Persahabatan yang pertama kalinya dibuat semenjak Malaysia dan Malaya mencapai Kemerdekaan dengan sebuah negara luar dan ini adalah membuktikan bahawa Malaysia sentiasa memberi keutamaan yang penuh kepada perhubungan yang rapat dengan Indonesia, negara tetangga kami yang mempunyai perhubungan yang rapat dari beberapa segi, segi penduduk mahupun daripada segi kebudayaan, perdagangan berkurun-kurun lamanya.

Jika ada cita-cita dan hasrat yang baik dan jika ada persefahaman di antara kedua pihak seperti yang telah ditunjukkan dengan terang dan nyatanya baharu-baharu ini, maka pada fikiran saya, tidak ada satu masalah yang dihadapi oleh kedua-dua negara ini yang tidak dapat diselesaikan dengan persetujuan dan dengan kerjasama yang

baik diantara kedua-dua pihak. Perundingan yang akan dijalankan ini bukan perundingan di antara kedua pihak yang bertentangan, tetapi perundingan di antara sahabat yang erat, dua negara yang mempunyai asal yang sama.

Kita berharap kerjasama yang rapat akan dapat dicapai di antara dua negara, terutama sekali dalam lapangan pertahanan dan keselamatan, kerana ada anasir-anasir komunis yang sedang mencuba hendak memecahbelahkan rakyat kedua-dua negara ini dan anasir-anasir inilah yang menyebabkan timbulnya perselisihan di antara Indonesia dan Malaysia dahulu. Sekarang masih ada lagi saki-baki anasir-anasir komunis ini di sempadan di antara Malaysia dengan Indonesia, iaitu di Wilayah-Wilayah Sabah dan Sarawak dan saya berharap kerjasama akan dapat dicapai dalam lapangan untuk menghapuskan anasir-anasir itu supaya keamanan yang sebenar-benarnya akan pulih semula di kedua-dua negara. Begitu juga, kita berharap kerjasama akan dapat dicapai dalam lapangan perniagaan, dalam lapangan bahasa, kebudayaan dan lain-lain lagi untuk faedah kita bersama. Pihak Malaysia telah lama bercita-cita supaya Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia yang asalnya sama itu dapat di rapatkan lagi melalui kerjasama dalam usaha-usaha memperkembangkan bahasa itu, terutama sekali dalam lapangan persamaan ejaannya. Begitu jugalah selama konfrantasi berada, perhubungan-perhubungan telekom, pos dan lain-lain di antara Indonesia dengan Malaysia telah terputus dan saya harap inilah satu perkara yang akan dibincangkan untuk menyambung balik perhubungan-perhubungan itu.

Tuan-tuan sekalian, saya tidak hendak bercakap lebih panjang lagi kerana tuan-tuan tentu suka hendak memulakan rundingan dengan segera. Oleh itu saya akhiri ucapan saya ini dengan mengucapkan kepada tuan-tuan sekalian selamat bersidang. Saya harap tuan-tuan semasa di sini janganlah bekerja sahaja - silalah melihat dan menikmati apa-apa yang ada di negeri kami ini.

Terima kasih.

¹ Ketua rombongan Indonesia.

² Menteri Luar Indonesia.

³ President Indonesia.



Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak sedang berucap di majlis perasmian pembukaan Perundingan Malaysia-Indonesia mengenai pertahanan, Keselamatan, Perdagangan, Kebudayaan dan Perhubungan di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 6 September 1966.